



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta	: NOORU ERMIZAN BINTI COREE
Jabatan / Bahagian	: JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN & KEWANGAN

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku	: CURI – CURI CINTA
Tempat terbitan	: PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Penerbit	: SITI ROSMIZAH SEMAIL
Jumlah muka surat	: 1167
Tahun terbitan	: 2017
Sasaran umur pembaca	: 15 – 40 TAHUN
Komen fizikal	: Tiada
Positif	: Jalan ceriata boleh dijadikan pengajaran dalam kehidupan seharian
Negatif	: Sikap watak utama iaitu Intan Raihana seorang yang ego, sombong, angkuh dan anak yang tidak menghormati ibunya.
Kelebihan	: Banyak plot-plot cerita yang menarik seperti gembira, sedih dan marah.
Luahan rasa	: Cerita ini terlalu banyak konflik, tetapi disebabkan jalan cerita yang menarik sesuai untuk bacaan umum.
Ulasan	: Novel ini mengisahkan tentang Intan Raihana, gadis yang sombong yang mengaku dirinya berasal daripada keluarga yang berada sedangkan dia hanyalah anak orang miskin. Intan seorang anak yatim. Dia ada mak yang buta dan abang yang hanya bekerja sebagai pemandu kepada Daniel Hakim. Abangnya, Iskandar dan ibunya sanggup bergadai demi menghantar intan belajar ke luar negara

dengan harapan intan akan pulang dengan segulung ijazah dan dapat membantu mereka sekeluarga. Intan pula sangat membenci abang dan ibunya kerana mereka punca ayahnya meninggal dunia.

Daniel Hakim seorang yang kaya dan sudah mempunyai kekasih, Fariza dan akan bernikah dengan Wanita itu. Intan ingin memerangkap untuk menjadikan Daniel miliknya dan mengaturkan pelbagai rancangan untuk memiliki lelaki tersebut. Akhirnya daniel terpaksa menikahi intan kerana mereka telah terlanjur disebabkan oleh angkara orang lain.

Walaupun intan dapat menikahi Daniel tetapi hidupnya bukan seindah seperti yang disangkakan seperti orang kaya yang lain. Daniel telah mempunyai rancangannya sendiri untuk kenakan intan bermula dari kehidupan dari seorang yang susah iaitu dengan hidup di rumah sewa.

Lama kelamaan hidup mereka dari perasaan benci berubah menjadi sayang. Intan juga berubah dari segi perangainya yang dulu menjadi seorang yang baik hati, setelah dikelilingi oleh orang-orang yang baik.

Gambar Buku

